

MÄ OON

RIZAL

Cikgu

MALAYSIA

di

FINLAND

HASRIZAL ABDUL JAMIL



6/11/2025
TAM
Gift

Hasrizal Abdul Jamil



MÄ OON RIZAL

CIKGU MALAYSIA DI FINLAND

PUSTAKA PERDANA



1014050

**JEJAK TARBIAH
2020**





Hak cipta © Harizal Abdul Jamil 2020
Cetakan Pertama 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbit atau dipindah dalam apa jua cara, sama ada elektronik atau mekanikal, termasuklah fotokopi, salinan semula atau dalam apa jua bentuk sistem storan atau capaian, tanpa keizinan bertulis daripada Jejak Tarbiah.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hasrizal Abdul Jamil

MÄ OON RIZAL : CIKGU MALAYSIA DI FINLAND / HASRIZAL ABDUL JAMIL.

ISBN 978-967-17971-0-5-1.

Hasrizal Abdul Jamil--Anecdotes. 2. Finland--Description and travel. 3. Travel--Anecdotes. 4. Travelers' writings, Malaysian. 5. Travel writing. I. Judul. 948.97

Diterbitkan oleh : JT BOOKS PLT (LLP0024057-LGN)
C-1-5, Jalan BG 3B/4, Bangi Gateway
Commercial Shop, 43650 Bandar
Baru Bangi, Selangor.

Hubungi : TELEFON: +6011-2906 2609
E-MEL: jtbooks.plt@gmail.com
LAMAN WEB: www.jtbooks.my
FB: Jejak Tarbiah
INSTAGRAM: @jejaktarbiah

Reka Letak dan Kulit : Nur Syahirah Salehuddin

Editor : Mardhiyyah Abadan

Pruf : Aina Athirah Shahiri

Dicetak oleh : FIRDAUS PRESS SDN BHD
No. 28, Jalan PBS 14/4, Taman
Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan, Selangor.

948.97
450



Kandungan

- Pendahuluan vii



- Dapur Bro Riz #1: Ayam Goreng Kunyit Zaman Baru 1

Melihat Finland dari Malaysia 4

- Kehidupan Seorang yang Mempersoalkan Segalanya 5
- Salah Laku Pelajar: Selesaikan atau Sebarkan? 19
- Tragedi Keganasan Christchurch: Mematikan Agenda Kebencian 26
 - » Bencana Kebencian 31
- Menubuhkan Sekolah dengan Ilmu Pendidikan, Bukan Ilmu “Agama” atau “Perniagaan” 36
 - » Jika Ibu Bapa Mengambil Peranan 48
 - » Semangat Pendidikan 50
- Mengungkapkan Erti Pendidikan Islam di Daerah Asing 57
 - » Cabaran Kendali Diri 59
 - » Meredah Hutan Vantaa 60
 - » Cabaran di dalam Bilik Kuliah 63



- Dapur Bro Riz #2: Kari Ketam Oulu 69

Melihat Malaysia dari Finland

73

- Dari Jauh Aku Merinduimu, Buku 74
 - » Cerita di Sebalik Buku 76
 - » Ke Finland 77
- Mengembara, Usaha 83
Melapangkan Jiwa dan Pemikiran
- Tragedi Kerusi Terbang: Kejutan 88
Budaya di Tanah Air Sendiri
 - » Januari 2018 91
- 3 Jam Mencanai Idea Pendidikan 93
Bersama Roger Osorio
- Cikgu Malaysia di Perkampungan 104
Artik
 - » Perjalanan yang Panjang 106
 - » Di Sekolah 109
 - » Bahasa Melayu 114
 - » Sembang Cikgu 117
 - » Ivalo dan KMSS 118
 - » Menu Restoran 121
- Melangkah ke Sekolah Finnish 124
Sebagai Guru dan Peninjau Sistem
 - » Dahulu Kala 127
 - » Apa yang Utama di Sekolah 130
 - » Desakan Perubahan 1990-an 132
 - » Faktor Utama Keberkesanan 133
Sistem Pendidikan Finland
- Cabaran untuk Finland 137
- Apa yang Boleh Kita Ambil dari 139
Finland?

- » Renungan 146
- *Isä... Minä Rakastan Sinua* 147
 - » Di Kelas Itu 148
 - » Kisah Kami 150
 - » Kebahagiaan di Sebalik Duka 151



Dapur Bro Riz #3: Bihun Goreng Derma 153

Melihat Finland dan Malaysia dari Rumah 155

- Arkangel di Netflix: Teknologi Membantu “Mengawal” Anak, Sepenuhnya! 156
 - » Teknologi Masa Kini 157
- Love Story (1970): Kalah kepada Makna Mudah Kehidupan 159
 - » Isu-isu Berat Mencelah 162
 - » Sayangnya 168
- Pelaburan Masa dalam Memupuk Budaya Fikir 170
- Membina Sempadan Minda dan Bahasa dengan Video Logan Paul 178
- Sekolah Berasrama dan Sindrom Sekolah Asrama 185
 - » Sindrom Sekolah Asrama 188
- *Onnellista ja siunattua ramadania teille*: Menyambut Ramadan di Kutub Utara 197

- Tarawih di Bawah Sinar Mentari Kutub Utara 205
- Meletakkan Islam dengan Benar dan Baik di Negeri Asing 213
 - » Pengalaman Anak-anak 216
- Layla: Travelog Pemberontakan Remaja Muslim Eropah 219



Dapur Bro Riz #4: Lidah Kambing Goreng Kunyit 227

Finland, Malaysia dan Rumah yang Tuhan Serukan 229

- Persoalan Sebelum Pelajar Belajar Pelajaran Agama 230
 - » Bagaimana Sebenarnya Seorang Manusia Itu Belajar 234
- Mengenang Stephen Hawking di Daerah "Lā Ilāhā" Ini 235
 - » Di Daerah Ini 237
- Pendidikan dan Kebolehpercayaan: Boleh Percaya Ke? 242
- Vlog Cikgu Malaysia di Finland: Puasa dalam Pelbagai Agama 250
 - » Pembahagian Ibadah dalam Islam 253



Dapur Bro Riz #5: Nasi Arab Pembaca Buku 255

- Biodata 257


Pendahuluan

Apakah penghujungnya?

Mungkin pendahuluan buku ini menjadi senaskhah tulisan yang paling rumit untuk saya coret.

Lazimnya, saya menulis dalam keadaan saya tahu daripada apa sesuatu bermula, dan di mana noktah akhir yang disasarkan sebagai perhentian. Jelas dari hujung rambut hingga ke hujung kaki namun, kembara di sebuah negeri bernama Finland ini penuh onak dan duri.

Sebanyak mana pun ia saya ungkapkan dalam bab demi bab, ungkapan itu hanyalah menceritakan sebahagian daripada apa yang saya mampu ceritakan untuk teladan bersama. Seumpama puncak sebongkah ais yang terapung di tepi Artik, apa yang dilihat mata, hanyalah satu persepuluh daripada keseluruhan bongkah ais yang terendam menurut Undang-undang Apungan Archimedes.



Jadi, ingin saya pesankan kepada pembaca, apa yang terungkap dalam naskhah ini, itulah yang dapat saya nukilkan pada kadar upaya semasa. Perjalanan masih jauh, dan saya sendiri tidak pasti di mana penghujungnya.

Saya hidup dengan persoalan.

Persoalan mendorong saya berjalan.

Berpindah daripada satu bidang ke bidang lain, langsung bukan dengan senaskhah tesis tetapi dengan jawapan dan lahirnya soalan baharu. Ada kalanya perjalanan itu berbau siri kegagalan tetapi ada masanya saya fikir saya masih komited dengan tujuan utama saya berjalan iaitu mencari jawapan kepada persoalan.

Persoalan paling besar lahir di persimpangan besar kehidupan peribadi saya. Sekitar tahun 2010-2015, saya berhadapan dengan dilema paling besar yang pernah saya tempuhi. Sebahagiannya saya nukilkan dalam buku Menalar Makna Diri: Kembara Menjejak Imam Birgivi. Manakala sebahagian yang lain ialah ... "saya terasing di halaman sendiri".

Teringat kata guru saya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), "Hasrizal, kamu lahir pada zaman yang salah dan menginginkan sesuatu yang tiada pada realiti hari ini. Mungkin lama selepas kamu tiada nanti, barulah kamu akan difahami!"

Kata-katanya itu membuatkan saya termenung saban hari.

Ada sesetengah orang berkata, “Hasrizal itu emosional, tidak habis-habis melayan perasaan. Tidak berpijak di bumi yang nyata.”

Saya tidak dapat menafikannya. Perasaan itu ialah perasaan yang menjadikan saya seperti yang anda kenal selama ini. Demi mencari keseimbangan, saya cuba berfikir dengan hati dan berperasaan dengan akal. Jadi saya fikir, Allah tidak simpati jika saya kata saya mangsa di halaman itu:

إِنَّ الَّذِينَ تَوَفَّاهُمُ الْمَلَائِكَةُ ظَالِمِي أَنفُسِهِمْ قَالُوا فِيمَ كُنتُمْ قَالُوا كُنَّا
مُسْتَضْعَفِينَ فِي الْأَرْضِ قَالُوا أَلَمْ تَكُنْ أَرْضَ اللَّهِ وَاسِعَةً فَتُهَاجِرُوا
فِيهَا فَأُولَئِكَ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَسَاءَتْ مَصِيرًا -

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri, mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata, “Apakah yang kamu telah lakukan?” Mereka menjawab, “Kami dahulu adalah orang-orang yang tertindas di bumi.” Malaikat bertanya lagi, “Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya?” Maka orang-orang yang sedemikian itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah neraka Jahanam, dan neraka Jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.” (al-Nisa', 4:97)

Bumi Allah itu luas.

Hijrah itu pilihan.

Semasa ayah mertua yang begitu uzur di perbaringan kami maklumkan tentang hijrah ke Finland, beliau berduka cita.

“Kamu nak tinggalkan aku?” tanyanya di sisi anakandanya, isteri saya, bersama kami sekeluarga. Beliau tidak mahu kami meninggalkannya. Justeru beliau tinggalkan kami. Tinggal beberapa hari saya hendak berangkat ke Finland, ayah mertua yang dikasihi, Haji Ahmad Nasarudin telah kembali ke rahmatullah dalam linangan air mata semua.

Saat itu, saya sedang membatukan perasaan.

Berdiam diri di sisi pusara, dan fikiran berkecamuk mengenang bonda saya di rumah pula.

Adakah betul aku akan berkelana sekali lagi?

Selepas pelukan perpisahan 1993 di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, janji 4 tahun berubah menjadi 11 tahun!

Bonda telah sangat uzur. Ingatannya pun semakin kelam.

15 September 2016, saya peluk bonda seerat-eratnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Saya cium tangan bonda yang pernah mendukung dan membelai kepala saya. Saya cium pipi bonda yang penuh kedut

menyimpan pelbagai kisah dan perasaan. Apakah perpisahan ini perpisahan selamanya?

Saya tidak tahu rahsia Allah tetapi peluk cium saya, si anak yang hampir seluruh hidupnya berkelana mencari jawapan kepada persoalan demi persoalan, saya leraikan peluk cium bonda dengan hati berbisik ungkapan syair Abu al-Tayyib al-Mutanabbi:

“Pada kala perpisahan, jangan diucap selamat tinggal, tetapi ucaplah hingga bertemu lagi.

Seandainya tidak di bumi Tuhan, mudah-mudahan di syurga-Nya nanti.”

Itulah tarikh terakhir saya menatap wajah bonda, mencium tangan dan memeluk tubuhnya pada permulaan perjalanan kembara ke Finland.

Bonda kembali ke rahmatullah pada 30 Julai 2018, dalam tangisan sepi saya di bawah pohon birch di Oulu Finland, bersama rintihan.

Ampunkan anakanda, yang masih berkelana mencari jawapan kepada persoalan demi persoalan.

Jiwa saya luluh dengan pemergian bonda. Terasa bagai diragut separuh nyawa namun, itulah harga yang terpaksa saya bayar demi perjalanan.

Perjalanan yang saya sendiri tidak pasti apa dan di mana

penghujungnya.

Perjalanan yang saya coret dalam naskah ini, tujuannya agar sepi di negeri asing ini, tersimpan erat dalam kenangan.

Saya lahir pada zaman yang salah. Saya menginginkan sesuatu yang tiada dalam realiti hari ini.

Tetapi izinkan perjalanan ini menjadi benih yang semoga tumbuh secara perlahan, dan esok-esok menjadi pohon berteduh buat generasi akan datang.

Semoga Allah merahmati keluarga kami dalam kelana ini.

Isteri tercinta, Muna.

Anakanda Saif, Naurah, Imad dan Muiz.

Keluarga di tanah air yang sentiasa kami rindu

Sahabat yang jauh di mata namun, masih dekat dalam hati.

Anak murid yang kini semakin dewasa.

Guru-guruku penyuluh jalan.

Pembaca budiman yang memberi nyawa kepada penulisan.

Dan kedua-dua orang tua dan mertuaku.

Hingga bertemu kembali,

Di negeri abadi.

Hasrizal

Negeri Salji
Oulu, Finland
20 April 2020



**HANYA DENGAN
BERFIKIR, LAHIR SOALAN.
HANYA DENGAN SOALAN,
JELAS TERJADINYA
BERFIKIR DALAM
PEMBELAJARAN.**

MÄ OON RIZAL

Cikgu Malaysia di Finland

Mendengar suara hati di negeri salji meskipun sunyi bukanlah mudah.

"Hasrizal, kamu lahir pada zaman yang salah dan menginginkan sesuatu yang tiada pada realiti hari ini. Mungkin lama selepas kamu tiada nanti, barulah kamu akan difahami!"

Kata-katanya itu membuatkan saya termenung saban hari.

Lazimnya, saya menulis dalam keadaan saya tahu daripada apa sesuatu bermula, dan di mana noktah akhir yang disasarkan sebagai perhentian. Jelas dari hujung rambut hingga ke hujung kaki namun, kembara di sebuah negeri salji bernama Finland ini penuh onak dan duri.

Sebanyak mana pun ia saya ungkapkan dalam bab demi bab, ungkapan itu hanyalah menceritakan sebahagian daripada apa yang saya mampu ceritakan untuk teladan bersama. Seumpama puncak sebongkah ais yang terapung di sepi Artik, apa yang dilihat mata, hanyalah satu persepuluh daripada keseluruhan bongkah ais yang terendam menurut Undang-undang Apungan Archimedes.

Saya hidup dengan persoalan.

Persoalan mendorong saya berjalan.

Perjalanan yang saya coret dalam naskhah ini, tujuannya agar sepi di negeri asing ini tersimpan erat dalam kenangan.

RM35



ISBN 978-967-17971-0-5



9 789671 797105